



BANJIR...keadaan rumah mangsa yang dimasuki air akibat hujan lebat di Alor Gajah, semalam.



REZEKI BAH...sebahagian mangsa banjir di pusat pemindahan menjamah makanan.



BANTU...anggota JPAM membantu mangsa berpindah ke tempat lebih tinggi dan selamat.

Tengkujuh bertandang

Banjir hujan sejam

>>Oleh Arifin Salleh
am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Seramai 121 penduduk membabitkan 30 keluarga di Kampung Belimbing, Durian Tunggal di sini, ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam, petang kelmarin.

Pemindahan sejak petang kelmarin hingga semalam membabitkan seramai 17 warga emas, 66 dewasa, 31 kanak-kanak dan tujuh bayi selepas air mula memasuki rumah mereka.

Penduduk, Fauziah Mohd Yusof, 44, berkata, air mula naik di halaman rumah kira-kira jam 6 petang kelmarin sebelum mereka sekeluarga dipindahkan jam 11 malam hari sama.

"Kawasan ini kerap dinaiki air setiap kali banjir malah belum hilang penat bersihkan rumah kotoran banjir dulu, rumah sekali lagi dimasuki air," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan banjir, di sini, kelmarin.

Difahamkan, hujan lebat selama satu jam bermula 3 petang menyebabkan kediaman penduduk di kawasan itu dilanda banjir kilat.

Seorang lagi penduduk, Ramlah Kassim, 53, berkata, air mula memasuki kediamannya pada jam 8 malam berikutan

masalah perparitan di belakang rumahnya.

"Jiran beritahu air naik dan apabila melihat air di bahagian belakang rumah mula bertakung, saya dan suami, Rosli Said, 53, segera mengangkat barangan berharga ke tempat tinggi dan meminta anak keluar segera.

"Saya sekeluarga terpaksa berdepan masalah banjir yang seolah-olah tiada kesudahan saban tahun sehingga pernah menanggung kerugian besar apabila barangan perkahwinan anak rosak.

"Bagaimanapun saya bersyukur kerana tiada nyawa keluarga dan penduduk yang terkorban akibat bencana banjir meskipun menanggung kerugian besar apabila banyak peralatan rumah rosak," katanya di sini.

Sementara itu, Pegawai Pertahanan Awam Daerah (PPAD) Leftenan Muda Hamdan Mohd Saat berkata, anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) ditempatkan di beberapa pusat pemindahan banjir serta kawasan berisiko sebagai perseediaan awal.

"Anggota JPAM ditugaskan secara bergilir-gilir bagi memastikan kebajikan mangsa banjir terjaga bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyediakan makanan serta pemantauan pihak polis," katanya.


TESCO

Berusaha demi anda

Tawaran Extra


Promosi sah 22 Nov-5 Dis 2012
Hanya di Tesco Extra Mutiara Damansara

Promosi Hebat
Dunia Mainan & Peralatan Sukan



Monopoly Versi Standard Malaysia 96031

RM99.90
79.90 / unit



Set Dumbbell Krom Concord 15kg

RM239.00
203.15 / set



Basikal Kanak-kanak 12" Rim Besi 1212

RM149.00
126.65 / unit

Promosi Barangan elektrik Panasonic



Kipas Berdiri Panasonic 16" F-MX405

RM155.00
138.00 / unit



Pot Termal Panasonic 3LNC-TWS30

RM165.00
149.00 / unit



Periuk Nasi Panasonic SR-DE183WSK 1.8L

RM249.00
229.00 / unit



Mesin Basuh Panasonic Automatik Penuh NA-F65B2 6.5kg

RM699.00
599.00 / unit

Tetap Segar Tetap Murah!



Epal Royal Gala/Red Delicious/ Fuji/ Granny Smith Fresh Value 10s

RM9.99
3.99 / pek



Filet Bawal/ Filet Barramundi 200gm

RM10.99
9.99 / pek



Ayam Kampung

RM12.90
9.50 / ekor



Baju Polo & Seluar Panjang Denim Thunder Cats

30.90-
42.90 / unit



Pakaian Tidur Barbie RM23.90 RM16.73/ helai

Diskaun **30%**



Kasut Barbie & Ben 10 Aneka RM12.90-39.90/ pasang

Beli 1 PERCUMA 1



Siri Alat Tulis Vintage/ Tag

Diskaun **15%**




Twisties 15gm/ Mamee 15-25gm Aneka RM0.50/ pek

Beli 3 RM 1



Kini!
Dibuka di Tingkat Mezzanine



Temu Mesra bersama Sharifah Abu Salem & Aisha Sofea pada 25 Nov 2012, 2-5ptg di Tesco Extra Mutiara Damansara

Pastinya



Semua harga dan maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada waktu cetakan tetapi tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu. Semua harga adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Walaupun usaha rapi telah diambil sepanjang proses pengelompokan, sebarang ketidaksetujuan atau ketidaklengkapan tidak dapat dielakkan dan amat disesalkan. Justeru itu, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (521419-K) tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas ketidaksetujuan atau ketidaklengkapan tersebut. Pihak kami berhak untuk menolak kualiti barangan untuk tujuan dan pihak kami juga berhak untuk tidak menjual mana-mana barangan kerana mangsa-mangsa pihak & proses pengelompokan kami. Jawapan sah sementara stok masih ada. *Siti Fatma pembekal ayam/lembu tempatan diperolehi dari JAKIM/JAIN dan daging lembu/kerbau/kambing dari-biri import dari badan Islam diiktiraf JAKIM di Australia, New Zealand, India, B.P.G.K.H.Q.M.2012/2147